

**PROGRAM LATIHAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN PASUKAN
PANCARAGAM SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN VICTORIA,
KUALA LUMPUR: SATU KAJIAN KES**

HISHAMMUDDIN BIN IDRUS

**LAPORAN PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2009

PENGAKUAN

Saya mengaku laporan projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

19.10.2009

HISHAMMUDDIN BIN IDRUS
M20072000722

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada En. Mohd Azam bin Hj. Sulong, selaku penyelia saya atas bimbingan yang diberikan untuk menyiapkan laporan projek ini. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria, Puan Azizah Binti Othman kerana memberikan kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian. Tidak lupa juga kepada Penolong Kanan Kokurikulum, En. Othman bin Abd Samad, Pengurus Pancaragam, En. Shariffuddin Abdullah dan *Band Major*, Abdullah Imran bin Abdullah Hashim kerana memberikan kerja sama yang sangat baik sepanjang kajian dijalankan. Akhir sekali, terima kasih juga buat isteri, anak-anak, dan rakan-rakan sepejuangan yang sentiasa memberi dorongan dalam menyudahkan tugas ini.

ABSTRAK

Victoria Institution Cadet Corps Band (VICCB) telah banyak menempa kejayaan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Deretan kejayaan yang telah dicapai menjadi bukti bahawa VICCB mempunyai ramuan yang jitu dalam mengekalkan namanya sebagai pasukan pancaragam yang paling unggul, ternama dan berjaya di Malaysia. Kajian ini berfokus kepada dua aspek; pertama, program latihan yang dijalankan dalam VICCB yang menyentuh tentang organisasi, program latihan untuk ahli-ahli baru dan peranan *band director* dalam mengendalikan pasukan pancaragam, kedua, menyentuh tentang jenis-jenis perbelanjaan dan langkah-langkah mendapatkan sumber kewangan bagi menampung aktiviti pasukan pancaragam Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah yang digunakan ialah kajian kes. Data-data dikumpulkan melalui temu bual bersemuka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kejayaan yang dicapai oleh VICCB terletak pada kemantapan struktur organisasi, program latihan yang dijalankan dan sumber kewangan yang kukuh.

ABSTRACT

The Victoria Institution Cadet Corps Band (VICCB) has acclaimed successes at national and international level. These national and international triumphs have certainly proven that VICCB has the right factors in preserving its name as an outstanding, prestigious and victorious band in Malaysia. This research focuses on two aspects; firstly, on the training program carried out by VICCB which includes its organisation, the training program for its new recruits and the role of its band director in dealing with the band, secondly, this research is aimed at determining the type of expenses and steps taken to attain financial sources in order to provide for the band activities. This research is done in a qualitative approach. The method used is a case study. The data is collected through interviews. The findings of the research have clearly indicated that the successes gained by VICCB are due to its competent organisational structure, the systematic training program and strong financial sources.

KANDUNGAN

Pengakuan

Penghargaan

Abstrak

Abstract

Senarai Jadual

Senarai Rajah

Senarai Singkatan

Bab 1 PENDAHULUAN

- 1.1 Pengenalan
- 1.2 Latar Belakang Kajian
- 1.3 Pemyataan Masalah
- 1.4 Tujuan Kajian
- 1.5 Objektif Kajian
- 1.6 Persoalan Kajian
- 1.7 Kepentingan Kajian
- 1.8 Batasan Kajian
- 1.9 Rumusan

Bab 2 TINJAUAN LITERATUR

- 2.1 Pengenalan

2.2	Organisasi dalam pancaragam	10
2.3	Latihan dalam pancaragam	10
2.4	Peranan guru pancaragam	13
2.5	Pembiayaan dan perancangan kewangan dalam pasukan pancaragam	15
2.6	Rumusan	16
Bab 3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	17
3.2	Reka bentuk kajian	17
3.3	Responden	18
3.4	Kaedah pengumpulan data	18
3.5	Analisis Data	19
3.6	Rumusan	20
Bab 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	21
4.2	Program Latihan	22
4.2.1	Organisasi dalam VICCB	22
4.2.2	Program latihan untuk ahli-ahli baru	23
4.2.3	Peranan band director	29
4.3	Jenis-jenis perbelanjaan dan langkah-langkah mendapatkan sumber kewangan.	33
4.3.1	Jenis-jenis perbelanjaan pancaragam VICCB	33
4.3.2	Langkah-langkah mendapatkan sumber kewangan	36

4.4 Rumusan 40

Bab 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan 41

5.2 Program Latihan 42

5.2.1 Struktur organisasi VICCB 42

5.2.2 Program latihan untuk ahli-ahli baru 42

5.2.3 Peranan band director 45

5.3 Jenis-jenis perbelanjaan dan langkah-langkah mendapatkan sumber kewangan. 48

5.3.1 Jenis-jenis perbelanjaan pasukan pancaragam VICCB 48

5.3.2 Langkah-langkah mendapatkan sumber kewangan 49

5.4 Rumusan hasil kajian 50

5.5 Cadangan kajian lanjutan 51

5.6 Penutup 52

RUJUKAN 53

LAMPIRAN

A Transkripsi petikan temu bual -Penolong Kanan Kokurikulum 55

B Transkripsi petikan temu bual - Pengurus Pancaragam 58

C Transkripsi petikan temu bual-Band Major 63

D Surat pengesahan pelajar untuk membuat penyelidikan 69

SENARAI JADUAL

Jadual	muka surat
4.1 Pengisian sesi latihan VICCB	28
4.2 Anggaran perbelanjaan menyertai WBC di Modena, Itali	33

SENARAI RAJAH

Rajah	muka surat
4.1	Prosedur memperkenalkan lagu baru
5.1	Ritaran pengajaran
	47

SENARAI SINGKATAN

CBM	<i>Committee Band Maintenance</i>
NCO	<i>Non Commission Officer</i>
VI	<i>Victoria Institution</i>
VICCB	<i>Victoria Institution Cadet Corps Band</i>
VIOBA	<i>Victoria Institution Old Boys Association</i>
WBC	<i>World Bands Challenge</i>



BAB1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Victoria Institution Cadet Corps Band (VICCB) telah banyak menempa kejayaan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Pasukan pancaragam ini terus menyerlah dengan kejayaan terbaru muncul juara Kejohanan Pancaragam Sedunia 2009 di San Felice Sul Penaro, Modena, Itali pada 7 Julai 2009. Kejayaan ini bukan saja pencapaian terbaik direkodkan VICCB setakat ini, malah sejarah baru terlakar buat Malaysia apabila menjadi sekolah pertama negara meraih kemenangan dalam pertandingan berprestij itu.

Mengimbau sejarah VTCCB, kecemerlangan pasukan pancaragamnya telah diakui kerana berjaya merangkul pelbagai gelaran dan pingat emas sejak lebih dua dekad lalu, sekali gus melambangkan penguasaan sekolah ini dalam arena pancaragam sekolah di Malaysia dan antarabangsa. Antaranya, kejayaan yang diperolehi di *World Marching Band* di Jepun pada tahun 1998, *World Championship For Marching Snow Band* di Calgary, Kanada pada tahun 2000, *World Championship For Marching Snow Band* di Monza, Itali pada tahun 2003 dan *World Music Contest* di Kerkrade, Belanda pada tahun 2005.

Victoria Institution Cadet Corps Band (VICCB) yang ditubuhkan pada tahun 1909 telah mencapai usia 100 tahun penubuhannya pada tahun ini. Deretan kejayaan yang dicapai di peringkat kebangsaan dan antarabangsa menjadi bukti bahawa pasukan pancaragam Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria mempunyai ramuan yang jitu dalam mengekalkan namanya sebagai pasukan pancaragam yang paling unggul, ternama dan berjaya di Malaysia. Oleh hal yang demikian, diharapkan kajian kes ini dapat menjelaskan ramuan yang menjelmakan kejayaan tersebut.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kejayaan sesebuah kumpulan pancaragam adalah bergantung kepada elemen-elemen berikut : (a) kerjasama antara pentadbir dan guru pancaragam; (b) pengajaran yang berkualiti; dan (c) pengurusan pancaragam yang berkesan. Namun

demikian, kita sering diajukan beberapa persoalan. Apakah ukuran sebenar kejayaan bagi sesebuah pasukan pancaragam? Adakah berdasarkan deretan piala kemenangan, bilangan pertandingan yang disertai atau kualiti persembahan yang ditunjukkan pelajar-pelajar? Apabila sesebuah pasukan pancaragam itu berjaya menempa kejayaan, kita seharusnya melihat apakah proses dalaman yang membina kejayaan tersebut dan bagaimana program tersebut bermula, berkembang dan dikekalkan.

Kebanyakan pemimpin pancaragam atau instruktur muzik yang berjaya mempunyai strategi pengajaran tertentu serta perancangan latihan yang dibuat dengan teratur. Sesi latihan yang efektif biasanya mengandungi beberapa gabungan aktiviti yang bermatlamat. Dengan perancangan yang baik, pemimpin pancaragam boleh menggabungkan aktiviti bacaan semerta, latih tubi teknikal, mengenal pasti bentuk serta stail lagu, dan sesi penilaian (Colwell & Goolsby, 1992:90).

Setiap program muzik yang dijalankan di sekolah amat berkait rapat dengan sumber kewangan lebih-lebih lagi dalam sebuah pasukan pancaragam. Kejayaan sesebuah pasukan pancaragam sekolah bergantung kepada sumber kewangan yang diperolehi. Dengan sumber kewangan yang mencukupi, segala aktiviti akan dapat dijalankan dengan lancar. Perbelanjaan untuk menampung sebuah pasukan pancaragam sekolah bukanlah sedikit. Bermula daripada permulaan penubuhan pasukan pancaragam, seterusnya dana perlu disediakan untuk mendapatkan jurulatih yang berkaliber, menservis dan membaiki kerosakan

peralatan muzik, membeli skor lagu baru, menggantikan uniform pancaragam yang lusuh serta perbelanjaan-perbelanjaan runcit yang lain seperti *reed*, *mouthpiece* dan *valve oil*. Pihak pentabir sekolah atau guru muzik yang mengendalikan pasukan pancaragam harus bingkas mencari jalan untuk mendapatkan sumber kewangan bagi menampung segala perbelanjaan yang diperlukan.

1.3 Pernyataan Masalah

Keberkesanan setiap sesi latihan bergantung kepada objektif yang ingin dicapai bagi setiap sesi latihan yang dijalankan. Instruktur muzik mestilah membuat perancangan latihan yang rapi dan mematuhi perancangan tersebut. Selepas setiap sesi latihan, kajian dan penilaian perlu dibuat. Kebanyakan instruktur muzik tidak menyedari bahawa terlalu banyak sasaran yang ingin dicapai dalam satu-satu sesi latihan tidak memberikan kesan yang baik kepada ahli pancaragam. Kesenambungan setiap sesi latihan yang perlu diberi perhatian (Colwell & Goolsby, 1992:91).

Jorgensen (1997) menyatakan bahawa pelajar mungkin akan merancang latihan hanya berdasarkan tugas yang diberikan oleh guru. Contohnya, pelajar hanya akan berlatih untuk melengkapkan lagu yang diberikan oleh guru. Pelajar juga hanya sekadar meluangkan masa yang diperlukan sahaja berdasarkan carta latihan tanpa inisiatif untuk menambah masa latihan. Seterusnya, adalah penting pendidik muzik memahami cara-cara pelajar merancang sesi latihan mereka. Hal

ini membolehkan guru-guru membantu mereka merancang latihan yang lebih teratur dan berkesan.

Umumnya sekolah-sekolah awam hanya mendapat peruntukan kewangan tahunan yang agak terhad untuk melaksanakan pelbagai aktiviti kokurikulum. Pihak pentadbir sekolah terpaksa berlaku adil dengan mengagihkan peruntukan kewangan yang diperolehi daripada Kementerian Pelajaran kepada semua aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah merangkumi pelbagai kelab dan persatuan, badan-badan beruniform dan sukan. Hal ini menyebabkan peruntukan kewangan yang diterima oleh pasukan pancaragam biasanya tidak cukup untuk menampung perbelanjaannya yang agak tinggi jika dibandingkan dengan pengendalian aktiviti kokurikulum yang lain. Aktiviti pancaragam memerlukan peruntukan kewangan untuk menampung kos servis alat muzik tahunan, dobi pakaian seragam di samping kos membeli skor lagu dan bayaran untuk jurulatih profesional. Keadaan ini belum mengambil kira kos untuk membeli alat muzik tambahan atau uniform tambahan (Zaharul Lailiddin Saidon, 2009).

Jelas bahawa setiap sekolah yang telah menubuhkan pasukan pancaragam berkemungkinan akan menghadapi masalah kewangan dalam jangka masa panjang. Namun begitu, ada sekolah yang mampu menyerap masalah kewangan ini dengan melaksanakan perancangan yang teratur, lantas dapat melaksanakan aktiviti dengan berjaya. Terdapat juga pasukan pancaragam yang tidak mampu menangani masalah kewangan yang meruncing.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti program latihan dalam pasukan pancaragam Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti jenis-jenis perbelanjaan dan langkah-langkah yang diambil untuk mendapatkan sumber kewangan bagi menampung aktiviti pasukan pancaragam Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria.

1.5 Objektif Kajian

Objektif-objektif kajian ini adalah untuk :

- a. mengenal pasti program latihan dalam pasukan pancaragam Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria.
- b. mengenal pasti jenis-jenis perbelanjaan dan langkah-langkah yang diambil untuk mendapatkan sumber kewangan bagi menampung aktiviti pasukan pancaragam Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria.

1.6 Persoalan Kajian

Berkaitan dengan itu, persoalan-persoalan yang ingin dikaji dalam kajian ini ialah;

- a. Apakah program latihan yang terdapat dalam pasukan pancaragam Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria?

- b. Apakah jenis-jenis perbelanjaan dan langkah-langkah yang diambil untuk mendapatkan sumber kewangan bagi menampung aktiviti pasukan pancaragam Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat dijadikan panduan oleh guru-guru pemimpin pancaragam yang mengendalikan pasukan pancaragam di sekolah. Memandangkan VICCB telah mencapai usia 100 tahun dan memperoleh banyak kejayaan di peringkat tempatan dan antarabangsa, dapatan kajian ini akan menjadi rujukan yang berguna ke arah pembinaan pasukan pancaragam yang mantap daripada aspek pengendalian latihan dan pengurusan kewangan.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya memberi fokus kepada dua aspek; pertama, program latihan yang terdapat dalam pasukan pancaragam Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria yang merangkumi organisasi pasukan pancaragam, strategi melatih ahi-ahli baru dan peranan *band director*, kedua, jenis-jenis perbelanjaan yang dibuat dan langkah-langkah mendapatkan sumber kewangan bagi menampung aktiviti pasukan pancaragam Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria.

1.9 Rumusan

Bab ini telah membincangkan tentang latar belakang kajian, pemyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian.



BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan tentang kajian perpustakaan yang berkaitan dengan persoalan kajian. Kajian perpustakaan ini akan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah berkaitan dengan organisasi dalam pancaragam, latihan dan peranan guru pancaragam. Bahagian kedua pula berkaitan dengan pembiayaan dan perbelanjaan pasukan pancaragam.

2.2 Organisasi dalam pancaragam

Colwell dan Goolsby (1992:58) menyatakan, adalah sesuatu yang mustahil bagi seorang guru pancaragam untuk menjalankan tugas mengurus sebuah pasukan pancaragam atau orkestra dengan lancar tanpa bantuan daripada pihak-pihak lain. Beberapa tanggungjawab boleh diagihkan kepada pelajar-pelajar. Pelajar boleh dilantik menjadi presiden, setiausaha, kuarter master, pengurus alatan dan bendahari. Guru pancaragam juga boleh melantik pelajar yang berkebolehan sebagai konduktor, ketua seksyen dan *drum major*. Pelajar-pelajar yang memegang jawatan-jawatan penting inilah yang boleh diharapkan untuk membantu guru pancaragam atau instruktur muzik menjalankan latihan tubi ketika sesi latihan berlangsung.

23 Latihan dalam pancaragam

Hallam (2001a) menyatakan terdapat tiga kategori dalam perancangan latihan. Tahap perancangan yang rendah akan menyebabkan tugas tidak dapat disempurnakan. Fokus hanya diberi kepada permulaan sesebuah lagu dan banyak masa dihabiskan ketika latihan untuk perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan tugas. Bagi tahap perancangan yang sederhana pula, tugas dapat disempurnakan tetapi bahagian-bahagian lagu yang sukar tidak diberikan fokus. Bagi tahap perancangan yang tinggi, tugas dilakukan dengan sempurna, bahagian lagu yang sukar dapat dikenal pasti dan masalah dapat diatasi. Seterusnya, latihan

akan menghasilkan persembahan yang bermatlamat. Hallatn juga sedar kemungkinan terdapat perkaitan antara kebolehan pelajar untuk mengendalikan latihan dengan tahap kosentrasi pada setiap sesi latihan.

Price (1989) memberikan beberapa cadangan untuk memperbaiki pengajaran seseorang. Sebelum memimpin sesebuah kumpulan ensembel instrumental untuk persembahan, guru seharusnya memberikan penekanan kepada pelajar-pelajar tentang elemen penting yang harus difokuskan dalam lagu yang akan dipersembahkan dan memberikan penerangan cara-cara menguasainya. Dengan langkah ini, guru-guru akan lebih proaktif dan mengurangkan kesilapan yang mungkin dilakukan oleh pelajar ketika persembahan berlangsung. Pendekatan ini mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang positif. Beliau juga mencadangkan guru menyelesaikan satu-satu masalah pada satu-satu masa. Guru harus menumpukan kepada satu aspek sehingga mencapai tahap yang diinginkan. Kemudian, barulah guru menumpukan kepada aspek lain. Pendekatan ini akan meningkatkan tahap kebolehan pelajar dan memberikan peluang kepada mereka memahirkan diri dengan alat muzik.

Duke (1994:84) berpendapat, pengajaran terdiri daripada beberapa kerangka latihan. Beliau mencadangkan konsep ini untuk menentukan keberkesanan teknik latihan dalam pancaragam. Dalam kerangka latihan, guru mengenal pasti sasaran pencapaian. Contohnya, penghasilan intonasi yang dihasilkan oleh kumpulan klarinet yang meniup not triad dalam kord tertentu. Guru membimbing pelajar melalui latihan secara berperingkat untuk mencapai matlamat tersebut. Guru boleh

menilai intonasi kumpulan klarinet yang meniup not tonik terlebih dahulu sama ada secara berkumpulan atau individu. Seterusnya, sebahagian pemain klarinet yang lain meniup not kelima dalam kord. Guru memberikan tunjuk ajar bagi mendapatkan intonasi yang betul. Akhir sekali, not ketiga dalam kord dimainkan. Setelah masalah intonasi diselesaikan, kesemua pemain klarinet akan meniup not masing-masing bagi membentuk kord tersebut. Kerangka latihan berakhir setelah matlamat dicapai dan guru boleh meneruskan kerangka latihan bagi kumpulan alat muzik yang lain.

Hallam (2001b) menggariskan tiga peringkat berturutan yang dilalui oleh pelajar ketika sesi latihan. Peringkat paling bawah ialah memainkan muzik dari awal hingga tamat. Peringkat kedua, pelajar boleh mengesan kesalahan yang dilakukannya dengan mengenal pasti, menganalisa dan memperbaiki kesalahan tersebut. Peringkat terakhir, pelajar akan mencapai tahap yang sama seperti pemuzik profesional iaitu mempunyai tahap pemikiran yang tinggi ketika menjalani rutin latihan.

Geiersbach (2000) menyatakan, tahap pemikiran yang tinggi dalam latihan muzikal termasuklah: (a) bermain dengan ekspresi muzikal, (b) fokus kepada hasil yang didengar, bukan kepada hal-hal teknikal, (c) sentiasa memikirkan audien akan menilai persembahan, (d) sentiasa menilai metod dan persembahan dan (e) menggunakan kreativiti untuk menggambarkan muzik yang dimainkan. Perkembangan strategi pada tahap tinggi dalam rutin latihan dapat merangsang

kebolehan pemuzik secara berterusan. Pemuzik pada tahap ini mampu menganalisa secara lengkap dari pelbagai sudut persembahannya.

Barry (1992) menyatakan bahawa sikap pelajar yang mengetepikan bunyi yang terhasil daripada permainan alat muzik mereka akan menyebabkan mereka gagal mengenal pasti kesalahan atau membiarkan kesalahan tersebut tanpa diperbetulkan terutama ketika membuat latihan secara individu. Hal ini akan mengakibatkan persembahan keseluruhan berada pada tahap yang rendah.

Menurut Peterson (1993), pelajar-pelajar boleh mengembangkan kreativiti melalui improvisasi dalam latih tubi sewaktu latihan. Galakkan pelajar merancang cara-cara latih tubi mengikut seksyen alat muzik mereka bagi sesebuah lagu yang akan dimainkan. Biarkan mereka mempraktikkan idea tersebut terlebih dahulu sebelum guru memberikan pandangan serta memperbetulkannya jika perlu. Keadaan ini akan mewujudkan keseronokan bagi semua ahli pancaragam.

2.4 Peranan guru pancaragam

Peterson (1993) menyatakan salah satu cara untuk memperbaiki mutu persembahan pasukan pancaragam adalah dengan mengeksploitasi kreativiti pelajar-pelajar itu sendiri. Pelajar-pelajar yang bermotivasi tinggi boleh membantu dalam memberi idea-idea yang segar. Dengan melibatkan para pelajar dalam proses kreativiti ini, minat mereka akan bertambah. Sudah tentu para pelajar memerlukan bimbingan dalam perkara-perkara tertentu. Guru harus meluangkan masa untuk membiasakan